

# DBKL roboh 17 gerai haram

Operasi di sekitar PPR Jelatek pastikan imej bersih ibu negara

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merobohkan 17 struktur penjaja haram di sekitar kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jelatek, di sini semalam.

DBKL dalam satu kenyataan, berkata tindakan tegas itu dilaksanakan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Air Selangor.

“Tindakan perobohan dijalankan selepas notis pemakluman selama 14 hari diberikan kepada penjaja haram untuk mengosongkan tapak.

“DBKL juga mengadakan sesi libat urus dengan Persatuan Penduduk PPR Jelatek dan beberapa siri bancian bagi mengenal pasti penjaja yang tidak aktif,” katanya.



DBKL dengan kerjasama TNB dan polis merobohkan 17 struktur penjaja haram di PPR Jelatek, semalam.

(Foto ihsan DBKL)

Pihak berkuasa tempatan (PBT) itu berkata, tindakan perobohan terbabit bertujuan memastikan aktiviti penjajaan haram tidak dibiarkan berleluasa.

“Ini sekali gus bertujuan memelihara imej dan reputasi Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang teratur dan bersih.

“Aktiviti penjajaan haram yang semakin bertambah ini bukan sahaja memberikan imej negatif kepada persekitaran, malah mengganggu lalu lintas, utiliti

awam dan menjejaskan kebersihan,” katanya.

Sehubungan itu, DBKL tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana pihak yang mementingkan diri dengan membina struktur secara haram yang mencetuskan pelbagai masalah kepada penduduk.

“Pihak DBKL ingin menegaskan mana-mana struktur penjaja haram di kawasan PPR akan terus dibendung bagi mengelakkan pencerobohan berulang dan me-

mastikan kawasan perumahan adalah selesa untuk didiami,” katanya.

## Dakwa tidak terima notis

Sementara itu, peniaga yang premisnya dirobohkan, Azmi Musa, 59, mendakwa tidak menerima sebarang notis daripada DBKL berhubung tindakan perobohan itu.

“Minggu lalu kami ada diberitahu secara lisan oleh DBKL mengenai tindakan perobohan dan

kami diberitahu mereka datang hari ini untuk berbincang.

“Tetapi, apa yang berlaku hari ini mereka (DBKL) bawa jentolak dan terus merobohkan kedai kami,” katanya kepada BH.

Azmi berkata, peniaga bukan tidak mahu berpindah, tetapi perlu diadakan perbincangan dahulu kerana mereka perlu mencari tempat untuk menyimpan barang yang ada dalam kedai.

Beliau yang menetap di PPR Jalan Jelatek, berniaga ayam goreng sejak lebih 15 tahun lalu sebagai sumber utama rezeki.

“Kebanyakan kami di sini adalah peniaga kedai makan. Bersebelahan kedai saya ada tiga kedai iaitu dua bengkel dan sebuah kedai menjual pakaian terpakai. Inilah sumber rezeki kami selama ini.

“Peniaga kedai makan ada ditawarkan berniaga di UTC Datuk Keramat, tetapi seperti yang ramai tahu perniagaan di situ kurang memuaskan.

“Satu lagi perkara, kebanyakan peniaga kedai makan menjalankan perniagaan bermula waktu petang kira-kira jam 4.30 petang sehingga tengah malam, maka lokasi yang ditawarkan itu kurang sesuai,” katanya.